

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Kes Buli di Sekolah: Satu Perbandingan Antara Budaya Dusun dan Melayu

Nooreyzwana Nadia binti Dohimin @ Julin, Shafiqa Nazatul Ain binti Nazaruddin,
Nadzatul Fateehah binti Dzulhaidy, Brithney Dwyne Bolon, Nur Sabrina binti Saini,
Hon Kai Yee*

Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author's e-mail: honkaiyee@ums.edu.my

Dihantar: xxx / Diterima: 10 August 2025

Received date: yyy / Accepted date: 10 December 2025

Abstrak: Fenomena buli di sekolah merupakan sebuah isu sosial yang semakin mendapat perhatian sebagai satu permasalahan yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dalam sistem pendidikan moden. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, perbezaan latar sosio-budaya ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan cara memahami, mentafsir dan menguruskan tingkah laku buli yang dialami anak-anak mereka. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi ibu bapa terhadap kes buli di sekolah melalui perbandingan antara budaya Dusun dan Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perbezaan persepsi ibu bapa terhadap definisi serta bentuk-bentuk buli berdasarkan latar budaya Dusun dan Melayu, mengenal pasti perbezaan pendekatan penyelesaian yang diambil oleh ibubapa dalam menangani isu buli serta kebimbangan anak-anak dan meneroka cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menguruskan kebimbangan anak-anak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual separa berstruktur yang mendalam dengan penglibatan ibu bapa daripada kedua-dua latar budaya tersebut. Analisis tematik telah digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa daripada kedua-dua budaya mengiktiraf isu buli sebagai satu permasalahan yang serius. Namun demikian, terdapat juga perbezaan dari segi tahap toleransi terhadap tingkah laku buli serta pendekatan intervensi oleh ibubapa yang dianggap wajar berdasarkan latar budaya masing-masing. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan peranan faktor budaya yang signifikan dalam mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap kes buli di sekolah. Justeru itu, hal ini menuntut pendekatan dan pelaksanaan dasar pencegahan buli yang bersifat sensitif budaya.

Kata Kunci: *Buli di sekolah; Persepsi ibu bapa; Faktor budaya; Dusun dan Melayu; Kanak-kanak*

Dalam ranah komuniti, budaya memainkan peranan penting dalam menyediakan kerangka rujukan kepada ibu bapa sejak turun-temurun dalam mendidik kanak-kanak mengenai nilai-nilai murni seperti tanggungjawab, disiplin dan prinsip moral berdasarkan pegangan yang dipelihara oleh ibu bapa dan komuniti. Kepelbagaian latar budaya antara keluarga yang wujud, seperti dalam masyarakat Melayu dan Dusun, mempengaruhi cara ibu bapa menilai, mentafsir dan membimbing anak-anak dalam norma sosial. Dalam konteks kajian ini, pemahaman budaya ibu bapa menjadi pemangkin kepada cara mereka menangani cabaran sosial yakni tingkah laku agresif seperti buli, yang kini menjadi isu sensitif dalam kalangan kanak-kanak.

Isu buli merupakan isu yang menjadi topik hangat sejak akhir-akhir ini berikutan kejadian kematian murid sekolah dan pelajar universiti yang dipercayai terdapatnya unsur buli. Antaranya berita kematian Zara Qairina dan Syamsul Haris pada bulan Julai 2025 dipercayai wujud unsur buli. Statistik melaporkan 7,681 kes buli telah direkodkan melalui statistik Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2024 (Ilah Hafiz Aziz, 2025). Pengkaji percaya bahawa mangsa-mangsa buli akan mengalami masalah kesihatan mental yang agak teruk seperti trauma, *depression*, *anxiety* (kebimbangan), dan sebagainya. Oleh itu, untuk memahami impak dan cara menangani isu ini dengan lebih berkesan, adalah penting untuk terlebih dahulu mendefinisikan konsep

buli.

Buli boleh didefinisikan sebagai satu tingkah laku agresif yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada mangsa, sama ada secara fizikal atau emosi. Menurut Yung (2019), buli ialah tingkah laku di mana seseorang mengasari orang lain. Yaakub (2006) dalam penulisan Yung (2019) menjelaskan bahawa buli merupakan tingkah laku agresif, sama ada fizikal atau psikologikal, yang dilakukan secara berulang ke atas mangsa dengan tujuan menimbulkan ketidakselesaan atau kesakitan. Elemen utama dalam buli merangkumi pembuli, mangsa, tujuan, dan kesan buli. Pembuli adalah individu yang melaksanakan perbuatan buli, biasanya memiliki kekuatan, kuasa, dan kemampuan yang lebih tinggi berbanding mangsa. Mangsa pula ialah individu yang lebih lemah dan tidak berupaya menandingi kekuatan atau kuasa pembuli. Lazimnya, mangsa mempunyai fizikal yang lemah dan tidak mampu menentang, serta sering tidak berani melaporkan kejadian tersebut kepada rakan, guru, atau ibu bapa. Tujuan buli termasuklah untuk menunjukkan kekuatan atau dominasi serta kepuasan apabila melihat mangsa mengalami kesakitan atau kecederaan, malah dalam kes-kes ekstrem, boleh mengancam nyawa mangsa. Kesan buli terhadap mangsa pula meliputi tekanan emosi, ketakutan, rasa gelisah, dan ketidaktenangan yang berterusan.

Kajian Rahman pada tahun 2017 berpendapat bahawa buli sebagai salah satu masalah sosial seperti

penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak, dan gangsterisme yang sering berlaku di sekolah. Rigby (1996; Rahman 2017) menganggap buli sebagai satu tingkah laku agresif yang berulang. Zulkifli al-Bakrii (2016; Rahman, 2017) dalam perspektif Islam, buli merupakan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama yang menjaga dan memelihara *karamah insaniah* (kemuliaan insan). Buli mendatangkan kesan negatif yang mendalam kepada mangsa (Amin al Haadi, 2013; Rahman, 2017) termasuklah kesan negatif secara fizikal, dan mental seperti *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD), kebimbangan, *depression*.

Buli secara umumnya diklasifikasikan dalam pelbagai bentuk buli seperti buli fizikal, buli verbal, buli siber, dan sebagainya. Menurut Shariff et al., (2021) dilarang sama sekali seseorang itu bagi membuli dan menyakiti mana-mana individu tanpa mengira agama, jantina, bangsa, dan budaya. Olweus (1993; Rosmawati Dahaman et al., 2023), tingkah laku buli terdiri daripada buli fizikal, sosial, dan lisan. Buli fizikal merupakan perlakuan kekerasan ke atas individu dengan sengaja, manakala buli sosial adalah seperti memulau memfitnah, merosakkan harta benda secara berniat. Buli lisan pula perbuatan mengeluarkan kata-kata kesat dan menyakiti hati mangsa. Mokhtar & Hassan (2023) menambah bahawa buli siber juga salah satu bentuk buli yang melibatkan keresahan hati, rasa tidak senang, menggugat ketenteraman awam, dan menimbulkan huru-hara dalam negara.

Maka dari itu, sokongan emosi dan moral daripada keluarga khususnya ibu bapa perlu bagi membantuk anak-anak menjalani kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian Muhammad Luqmanul Hakim et al. (2023) menyatakan bahawa ibu bapa merupakan insan yang terdekat dan seharusnya memberi kasih sayang yang secukupnya disamping menunjukkan contoh yang baik agar anak-anak dibesarkan dalam suasana yang positif. Eksi (2012; Muhammad Luqmanul Hakim et al., 2023) mendedahkan sikap ibu bapa boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap masalah buli. Sekiranya ibu bapa tidak cakna akan tindakan dan aktiviti anak, kebebasan yang dirasai dianggap benar belaka termasuklah kelakuan buli. Sokongan emosi dan moral sahaja tidak cukup sekiranya tiada komunikasi yang baik dan dua hala antara ibu bapa dengan anak. Muhammad Luqmanul Hakim et al. (2023) memetik daripada Kowalski et al. (2012) bahawa komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak-anak merupakan kunci kepada kewujudan hubungan yang lebih erat. Kajian beliau juga mendapati bahawa ibu bapa berperanan dan berpotensi dalam mencegah remaja daripada terlibat dengan buli siber kerana mendapat sokongan daripada ibu bapa. Kawalan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap kegiatan anak-anak dapat mengurangkan aktiviti tidak bermoral seperti bergaduh, memukul, dan sebagainya.

Dari perspektif perkembangan moral kanak-kanak, Arif dan Listiana (2022) menjelaskan bahawa kanak-kanak pada usia awal masih bergantung kepada rangsangan dan rujukan luaran untuk menilai sama ada sesuatu tingkah laku itu baik atau buruk. Selari dengan tahap moraliti konvensional dalam Teori Perkembangan Moral Kohlberg, kanak-kanak cenderung mematuhi peraturan untuk mengelakkan hukuman dan memperoleh ganjaran. Dalam konteks buli, hukuman lebih bersifat norma etika masyarakat, seperti larangan berkeliaran atau melepak pada waktu malam, tidak berteman dengan rakan berpengaruh negatif, serta pengawalan sosial anak-anak. Manakala menurut Teori Sigmund Freud, tiga komponen personaliti iaitu id, ego, dan superego mempengaruhi satu sama lain. Khalid dan Johan (2017) menyatakan bahawa id bertindak

berdasarkan prinsip keseronokan tindakan luar kawalan seperti aktiviti tidak bermoral bagi memuaskan nafsu. Ego berperanan dalam merasionalkan tindakan id bagi mengambil tindakan waras. Superego berfungsi sebagai menyekat ego daripada menurut id dan mendorong ego untuk menerima nilai moral. Teori Pembelajaran Sosial Bandura pula melihat kepada tingkahlaku seseorang itu adalah hasil daripada peniruan seseorang yang dilihat. Yahya dan Ahmad (2012), menyatakan bahawa buli merupakan salah satu cabang tingkahlaku agresif yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri. Pernyataan ini disokong oleh Rosmawati Dahaman (2023) yang mana kebanyakan buli banyak terjadi adalah hasil daripada peniruan dan pemerhatian tingkah laku orang lain.

Pernyataan masalah kajian ini adalah hasil daripada pemerhatian terhadap isu buli yang semakin hangat dan meningkat dalam kalangan murid sekolah. Walaupun isu buli secara umum telah dibincangkan, namun persepsi buli berdasarkan budaya dan bangsa khususnya Melayu dan Dusun masih kurang diketengahkan. Isu buli ini pastinya mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza bagi setiap kaum atau bangsa yang wujud di Malaysia. Selain itu, masih terdapat kekurangan kajian komprehensif yang meneliti secara mendalam tentang isu buli berdasarkan budaya dan bangsa seperti Melayu dan Dusun. Kekurangan ini mewujudkan jurang pengetahuan mengenai persepsi buli dalam konteks pelbagai budaya yang seterusnya memberikan pengaruh kepada peningkatan isu buli pada masa akan datang.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk 1) menganalisis perbezaan persepsi ibu bapa Dusun dan Melayu terhadap definisi definisi dan bentuk-bentuk kes buli di sekolah, 2) mengenal pasti perbezaan peranan dan pendekatan dalam menangani isu kebimbangan anak-anak berkaitan buli, dan 3) meneroka cabaran utama yang dihadapi ibu bapa dalam menguruskan kebimbangan anak-anak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes perbandingan (*comparative case study*) untuk meneroka pengalaman dan persepsi ibu bapa daripada dua latar belakang etnik yang berbeza terhadap isu buli di sekolah. Menurut Lim (2024), kaedah kualitatif ialah pendekatan penyelidikan yang menumpu pada pemahaman mendalam dan menyeluruh tentang fenomena sosial melalui data bukan angka seperti kata-kata, cerita, interaksi, dokumen, dan pemerhatian. Penggunaan kaedah kualitatif membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam tentang nilai, norma, dan kepercayaan budaya yang mempengaruhi tafsiran mereka. Dalam konteks kajian ini, kaedah kualitatif membolehkan penerokaan terperinci tentang bagaimana ibu bapa mentafsir dan mengalami isu buli dari perspektif mereka sendiri. Kajian kes perbandingan ialah perbandingan sistematik dua atau lebih kes menggunakan kaedah kajian kes (Bocharova, 2025). Melalui reka bentuk perbandingan, penyelidik dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang wujud antara dua latar belakang budaya yang berbeza, iaitu etnik Melayu dan Dusun. Peserta terdiri daripada ibu bapa yang memahami peranan nilai budaya dalam persepsi ibu bapa berketurunan Dusun dan Melayu mengenai kes buli di sekolah dan kaitannya dengan kebimbangan anak-anak. Oleh itu, pengumpulan data yang menyeluruh dan berkaitan secara langsung dengan objektif kajian, iaitu menganalisis perbezaan persepsi ibu bapa terhadap definisi dan bentuk-bentuk kes buli, mengenal pasti perbezaan cara penyelesaian yang diambil oleh ibu bapa dan meneroka

cabaran utama dalam menguruskan kebimbangan anak-anak.

Peserta dan Pemilihan Lokasi

Persampelan

Teknik pengumpulan sampel dalam kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Robinson (2013), pensampelan bertujuan bermaksud penyelidik memilih peserta secara sengaja kerana mereka mempunyai ciri yang paling relevan dengan persoalan kajian, bukan dipilih secara rawak dalam penyelidikan kualitatif. Kajian ini melibatkan seramai empat (4) orang peserta yang terdiri daripada ibu bapa yang berumur dalam lingkungan 35 hingga 55 tahun. Peserta dipilih berdasarkan latar belakang etnik yang berbeza, iaitu dua orang daripada etnik Melayu dan dua orang daripada etnik Dusun untuk membolehkan perbandingan persepsi dilakukan secara berkesan. Informan dilabelkan mengikut kod tertentu seperti Informan Melayu (I1, I2) dan Informan Dusun (I1, I4) bagi mengekalkan kerahsiaan identiti semasa proses pelaporan dapatan.

Pemilihan Lokasi

Dari segi geografi, lokasi kajian difokuskan di sekitar kawasan Tuaran dan Kota Kinabalu, Sabah. Pemilihan lokasi ini adalah secara bertujuan (*purposive*) kerana kedua-dua kawasan ini mempunyai komposisi penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik, khususnya etnik Dusun dan Melayu yang tinggal dalam komuniti bandar dan luar bandar. Kepekabalaian latar belakang geografi ini membantu penyelidik melihat sama ada faktor persekitaran tempat tinggal turut mempengaruhi cara ibu bapa mendefinisikan kes buli.

Protokol Temu Bual

Protokol temu bual disusun berdasarkan senarai soalan separa berstruktur yang dibentuk selaras dengan objektif dan tujuan penyelidikan. Protokol temu bual separa berstruktur ini bertujuan untuk membantu pengkaji menganalisis perbezaan persepsi ibu bapa terhadap definisi dan bentuk-bentuk kes buli, mengenal pasti perbezaan cara penyelesaian yang diambil oleh ibu bapa dan meneroka cabaran utama dalam menguruskan kebimbangan anak-anak dalam konteks ibu bapa berketurunan Melayu dan Dusun di Sabah. Protokol temu bual ini dibahagikan kepada empat bahagian utama seperti berikut:

- Bahagian A: Maklumat Peserta
- Bahagian B: Pengenalan
- Bahagian C: Soalan Temu Bual
- Bahagian D: Penutup

Temu bual dijalankan terhadap peserta yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan yang melibatkan peserta yang mempunyai pengetahuan mendalam atau pengalaman langsung berkaitan kes buli di sekolah dan kaitannya dengan kebimbangan anak-anak berdasarkan konteks budaya iaitu budaya Melayu dan Dusun. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan juga secara maya di platform seperti “Google Meet” yang sesuai dan selesa bagi peserta. Setiap sesi temu bual berlangsung selama 45 hingga 75 minit bergantung kepada kelancaran perbincangan. Semua temu bual telah dijalankan dengan keizinan peserta dan dirakam menggunakan perakam suara digital bagi memastikan ketepatan data. Rakaman audio kemudiannya ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis data menggunakan kaedah analisis tematik.

Bahagian	Topik Soalan	Soalan
A	Maklumat peserta	Kod peserta, Kategori Responden, Jantina, Tarikh temu bual, Masa, Lokasi
B	Pengenalan	Pengenalan diri, penerangan tujuan kajian, pemakluman temu bual dirakam, jaminan kerahsiaan dan hak penyertaan dalam kajian serta persetujuan peserta melalui Borang Persetujuan Termaklum
C	Soalan Temu Bual	Pada pandangan Tuan/Puan, apakah yang dianggap sebagai perbuatan buli di sekolah? Adakah terdapat sebarang perbuatan yang sesetengah orang anggap buli, tetapi Tuan/Puan anggap sebagai gurauan biasa atau sebahagian daripada proses membesar dalam kalangan kanak-kanak? Apakah yang menyebabkan buli itu berlaku di sekolah menurut pemerhatian atau pandangan Tuan/Puan? Jika anak Tuan/Puan menunjukkan tanda-tanda kebimbangan (cth: enggan ke sekolah, mudah marah) setelah dibuli, apakah langkah segera yang akan Tuan/Puan ambil? Bagaimanakah Tuan/Puan berkomunikasi dengan anak Tuan/Puan mengenai perasaan takut atau bimbang mereka terhadap buli? Adakah Tuan/Puan lebih cenderung untuk menyelesaikan masalah buli secara peribadi (dalam keluarga) atau melibatkan pihak sekolah/komuniti? Mengapa? Apakah cabaran terbesar yang Tuan/Puan hadapi apabila cuba mengurangkan kebimbangan anak Tuan/Puan terhadap buli? Adakah faktor budaya atau nilai tradisi dalam masyarakat Tuan/Puan (Dusun/Melayu) menjadikan lebih sukar atau mudah untuk menguruskan isu kebimbangan anak ini? Apakah sokongan yang lebih baik yang Tuan/Puan rasa perlu ada (dari sekolah atau komuniti) untuk membantu Tuan/Puan menguruskan isu kebimbangan anak akibat buli? Boleh tuan/puan kongsi kan apakah jenis sokongan yang lebih baik?

Jadual 1: Ringkasan Protokol Temu Bual

D	Penutupan	Ucapan terima kasih, jika terdapat komen tambahan atau persoalan.
---	-----------	---

Teknik Analisis Data

Data yang dikumpul melalui rakaman audio temu bual ditukarkan kepada bentuk teks melalui proses transkripsi verbatim (perkataan demi perkataan). Selepas transkripsi selesai, data dianalisis menggunakan Analisis Tematik (*Thematic Analysis*). Proses analisis ini dijalankan melalui beberapa peringkat. Berpandukan model Braun & Clarke dan panduan terkini, proses boleh diuraikan sebagai 6–7 peringkat utama (Naeem et al., 2023):

1. Pengenalan data (familiarisation)
2. Menjana kod awal (initial coding)
3. Mencari tema (searching for themes)
4. Menyemak tema (reviewing themes)
5. Mentakrif dan menamakan tema (defining and naming)
6. Penulisan laporan (producing the report)

Menurut Morriss (2024), Braun dan Clarke juga menegaskan bahawa tema tidak "muncul" secara automatik dari data, tetapi dibina secara aktif oleh penyelidik melalui interaksi dengan data dan teori. Justeru, pengkaji dapat mengenal pasti pola dan tema bermakna yang selaras dengan objektif kajian melalui teknik analisis ini khususnya dalam tiga domain utama iaitu perbezaan persepsi ibu bapa terhadap definisi dan bentuk-bentuk kes buli, perbezaan cara penyelesaian yang diambil oleh ibu bapa dalam menangani isu buli dan kebimbangan anak-anak dan cabaran utama dalam menguruskan kebimbangan anak-anak terhadap isu buli.

Hasil Dapatan

Kajian ini dilaksanakan bagi memahami dengan lebih mendalam tentang pemahaman terhadap definisi serta bentuk-bentuk buli, perbezaan peranan dan pendekatan ibu bapa daripada kaum berbeza serta cabaran utama dalam menguruskan kebimbangan kanak-kanak terhadap isu buli. Demografi peserta kajian terdiri daripada empat orang informan yang merupakan seorang ibu atau bapa. Peserta dilabel sebagai 'I1' (Informan pertama), 'I2' (Informan kedua), 'I3' (Informan ketiga), dan seterusnya 'I4' (Informan keempat), di mana secara spesifik I1 dan I2 merupakan kaum Melayu manakala I3 dan I4 adalah kaum Dusun.

Perbezaan Persepsi Ibu Bapa Berketurunan Dusun dan Melayu Terhadap Definisi dan Bentuk-Bentuk Kes Buli

Berdasarkan hasil analisis data, empat tema atau kategori utama yang dapat dikenal pasti menerusi respons peserta kajian, ini termasuklah persepsi dan definisi buli, faktor tingkah laku buli, strategi intervensi ibu bapa dan cabaran budaya dalam menguruskan kebimbangan anak-anak terhadap buli. Kategori-kategori tersebut membantu dalam memberi pemahaman visual yang jelas tentang perbezaan dan juga persamaan yang ada dalam kaum Melayu dan Sabah terhadap persepsi dan respons ibu bapa terhadap buli.

Jadual 2: Tema dan Subtema Persepsi Ibu Bapa Berketurunan Dusun dan Melayu Isu Buli di Sekolah

Tema	Subtema
Persepsi dan Definisi Buli	Tahap Keseriusan dan Impak

	Bentuk-Bentuk Buli Perbezaan Gurauan dan Buli
Punca (Faktor) Berlaku Buli	Asuhan Persekitaran Sekolah dan Disiplin
Strategi Intervensi Ibu Bapa	Tindakan Segera (Reaktif) Komunikasi dan Nasihat Kepada Anak
Cabaran Budaya dan Nilai	Halangan Sosial Kepercayaan tradisi

Persepsi dan Definisi Buli

Hasil analisis tematik menunjukkan kedua-dua kelompok etnik memiliki pandangan yang sama mengenai tahap keseriusan gejala buli dalam sistem pendidikan masa kini. Menerusi temubual yang telah dijalankan, ibu bapa daripada kedua-dua kaum memahami bahawa buli bukan la satu perkara biasa, dan sebaliknya dianggap sebagai satu bentuk tindakan jenayah yang mampu mendatangkan kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi dan maruah kanak-kanak. Tanggapan terbentuk akibat pendedahan kepada isu persekitaran sosial serta pengalaman hidup yang mempengaruhi bagaimana ibu bapa melihat dan memahami tingkah laku buli.

1. Tahap Keseriusan

Dapatan kajian mendapati wujudnya perbezaan pendapat dalam memahami tahap keseriusan buli. Bagi informan Melayu, buli dikonseptualisasikan sebagai satu isu yang melebihi isu disiplin sekolah dan diangkat sebagai satu bentuk tingkah laku jenayah kerana boleh menggugat kesejahteraan psikologi dan maruah diri serta keluarga. Pernyataan oleh peserta kajian kaum Melayu menekankan bahawa indikator tahap keseriusan buli diukur berdasarkan kesan dalam iaitu *internal wellbeing* mangsa.

"Kalau saya memang anggapan saya memang satu jenayah yang serius.... asalkan mengganggu mental orang tu boleh dianggap buli." (I1)

Pendapat ini disokong oleh informan 2 yang menitikberatkan penglibatan pihak ketiga yang bertanggungjawab bagi membendung isu buli kerana melihat ia sebagai kegagalan akauntabiliti moral.

"memang gejala buli ni sangat seriuslah. Tak boleh diambil remehlah oleh ibu bapa, guru guru, kementerian." (I2)

Manakala bagi informan Dusun iaitu informan 3 menunjukkan orientasi yang lebih pragmatik, dengan menekankan isu keselamatan fizikal serta tahap kebolehkawalan. Keresahan utama kaum Dusun hanya berkaitan dengan implikasi dari segi psikologi, malah kepada ciri buli yang bersifat terselindung dan sukar dikesan dalam konteks persekitaran sekolah.

bagi pandangan saya kes buli adalah yang paling membimbangkan atau paling dasyat la sukar untuk kita kawal dan sukar untuk kita melihat" (I3)

Pernyataan-pernyataan berkaitan tahap keseriusan buli telah menunjukkan satu dikotomi yang ketara antara persepsi peserta kajian berbangsa Melayu dan Dusun. Kedua-dua kumpulan berpendapat bahawa isu buli adalah isu sosial yang amat kritikal, namun terdapat percanggahan atau perbezaan dari segi titik tumpuan kebimbangan, misalnya informan Melayu lebih melihat tahap keseriusan buli menerusi impak negatif terhadap proses intrapersonal

kanak-kanak serta dianggap sebagai tindakan yang melanggar disiplin atau jenayah, selari dengan pendapat Mohd Rodzi Akob (2019) yang melihat buli sebagai tingkah laku penyalahgunaan kuasa serta kesan buli yang menyebabkan mangsa berubah menjadi cepat cemas dan tertekan. Informan Dusun pula lebih menilai tahap keseriusan berdasarkan sifat yang sukar dikesan mahupun kawal dalam konteks persekitaran sekolah bukan pada impak terhadap mangsa

2. Bentuk-Bentuk Buli

Bagi kaum Melayu, mereka lebih cenderung melihat bentuk-bentuk buli secara luas dan berasaskan hasil iaitu *outcome-based* di mana apa-apa tindakan dari bentuk lisan, fizikal, atau mental yang membawa padah kepada kesejahteraan anak-anak dikategorikan sebagai buli.

"Saya asalkan melibatkan trauma kepada pelajar, itu boleh dianggap buli. Sama....ada penderaan fizikal dan sebagainya, semuanya buli." (I1)

"Kalau mengakibatkan sehingga merosakkan minda seseorang, pada saya tidak boleh" (I1)

Kaum Dusun pula mendefinisikan bentuk buli berdasarkan senarai perlakuan yang spesifik dan nyata. Mereka menganggap manifestasi buli berlaku dalam kejadian harian yang boleh dilihat secara overt dan secara langsung.

"Kena ugut minta duit, minta makanan ah itu..itu memang kes buli" (I4)

"Ejek nama bapa tu..memang tidak bagus." (I4)

Ejekkan secara verbal terutamanya penggunaan nama orang tua dianggap satu perbuatan salah tingkah laku, kerana mempunyai nilai kurang kesopanan bagi kaum Dusun. Kenyataan informan 4 berbangsa Dusun mencerminkan nilai budaya masyarakat yang mementingkan hubungan kekeluargaan, di mana penghinaan lisan terutamanya terhadap ahli keluarga yang lebih tua dianggap satu kesalahan yang berat berbanding pendekatan Melayu yang lebih memberi fokus kepada kesejahteraan diri seperti trauma dan kecederaan fizikal anak-anak.

3. Perbezaan Gurauan dan Buli

Dapatan kajian juga menunjukkan polariti jelas dalam penentuan sempadan antara gurauan sebagai proses perkembangan kanak-kanak dan buli. Kaum Melayu melihat sempadan gurauan dan buli dari sudut etika dan kapasiti mangsa, dimana ia ditentukan oleh satu batasan yang tidak kelihatan tetapi dapat dirasakan. Bagi mereka tindakan buli adalah ketika wujudnya kemudaratan terhadap kesejahteraan mental kanak-kanak. Secara rumusan, mereka lebih membezakan gurauan dan buli dengan berpusatkan penerimaan mangsa.

"Gurauan tu ada tempat dia, ada batas dia... Kalau mengakibatkan merosakkan minda seseorang, kepada saya tidak boleh." (I1)

Informan 1 memperlihatkan bahawa niat gurauan menjadi salah sekiranya hasilnya memberi kerosakan kepada mental seseorang, menunjukkan bahawa adab dalam pergaulan sosial kanak-kanak perlu diutamakan bagi menghormati sempadan untuk tidak mencemarkan psikologi orang lain. Walaupun kaum Melayu mementingkan batasan dalam bergurau mereka juga menekankan dimensi penerimaan individu terhadap kritikan mahupun gurauan tersebut.

"Kalau macam dia boleh ambil kritikan (gurauan) tu sebagai positif, positiflah." (I2)

Kenyataan Informan 2 menjelaskan bahawa persepsi buli atau gurauan itu bergantung kepada mekanisme daya tindakan individu. Dalam konteks ini, ibu bapa atau penjaga Melayu melihat penerimaan atau ketahanan emosi kepada gurauan menjadi kunci utama dalam pembinaan personaliti sihat dalam diri anak-anak. Misalnya, jika anak memiliki penerimaan yang tinggi iaitu ketahanan mental kukuh, perlakuan gurauan tersebut kekal sebagai satu kritikan positif yang membina, namun jika anak lemah, ia boleh bertukar menjadi isu buli.

Berbeza dengan pendapat sebelum ini terhadap gurauan atau buli, kaum Dusun skeptikal dalam membezakan tindakan sebagai gurauan atau pun buli di mana mereka lebih fokus bukan sahaja kepada kesan terhadap mangsa, malah pada taktik manipulasi pelaku dan interaksi sosial perkembangan kanak-kanak.

"Dia buat sesuatu memang salah tapi untuk menyelamatkan diri dia cakap la dia main-main... dia bilang dia prank." (I3)

"Bila disiasat tu dorang masing-masing bermain... di sekolah dorang give and take." (I4)

Informan 3 menunjukkan bahawa istilah 'gurauan' lebih difahami sebagai *prank*, kadangkala diguna pakai oleh kanak-kanak sebagai alat penipuan atau *denial mechanism* bagi mengelak daripada memegang akauntabiliti kepada tindakannya. Seiring dengan naratif oleh Informan ke-4 yang menjelaskan dinamik *give-and-take* dalam interaksi kanak-kanak. Integrasi kedua-dua pandangan ini menunjukkan bahawa penilaian gurauan atau buli dalam konteks Dusun lebih mengambil kira keseimbangan serta berhati-hati antara niat pelaku, manipulasi dan interaksi sosial kanak-kanak berbanding penilaian berdasarkan kesan kepada mangsa.

Faktor Buli

Daripada perspektif kedua-dua kaum, informan kaum Melayu dan Dusun memegang pendapat yang sama bahawa tingkah laku buli bermula dari rumah iaitu kegagalan dan ketidakseimbangan asuhan di rumah, persekitaran sosial dan disiplin.

1. Asuhan keluarga

Kaum Melayu mengaitkan masalah tingkah laku buli dengan kelemahan kawalan oleh penjaga di rumah. Penjaga yang kurang bertanggungjawab dalam membimbing anak-anak dan membiarkan mereka terdedah kepada suasana negatif menyebabkan anak-anak tersebut menganggap tingkah laku negatif yang berlaku di rumah adalah normal, namun realitinya tidak. Dalam dunia moden juga, informan kaum Melayu menyatakan bahawa penggunaan teknologi moden tanpa kawalan juga menjadi salah satu punca yang menyumbang kepada tindakan membuli.

"Buli ni sebenarnya bermula daripada rumah...Kalau ada masalah dekat rumah, tak mustahillah dia akan bermasalah dekat sekolah. (I2)

"Buli ni berpunca juga daripada penggunaan hensem yang meluas.. anak-anak ni bagi hensem, tapi tak control. (I2)

Secara khususnya, kenyataan oleh informan 2 secara tidak langsung menjelaskan bahawa kewujudan ketidakharmonian di rumah akan mempengaruhi kanak-kanak yang membuli untuk bertindak agresif ke atas rakan sebaya mereka. Selain itu, ibu bapa yang kurang memberi kawalan ketat terhadap akses kepada anak-anak mereka, lebih-lebih lagi tanpa pengawasan khusus menyumbang

kepada kelakuan intimidasi sosial. Sawyer (2011) menjelaskan bahawa kemudahan teknologi maklumat bukan sahaja membolehkan golongan di bawah umur ini mendapatkan informasi dengan mudah, malah ia boleh mendedahkan mereka dengan gejala negatif yang membawa kepada tindakan buli.

Manakala, kaum Dusun memberi pernyataan bahawa gaya keibubapaan di rumah akan mempengaruhi tindakan agresif anak-anak sekiranya tidak seimbang lebih-lebih lagi dalam konteks mencurahkan kasih sayang.

"Ini punca buli kadang-kadang, kalau ibu bapa yang main telan, seja budak cakap, dia tidak pun berfikir...ibu bapa yang main percaya, cakap anak. Kena tengoklah kadang." (13)

"Anak-anak ini maksudnya yang pembuli la kan tiada kasih sayang, macam tiada perhatian di rumah. Ini betul...ibu bapa terlampau kasih manja anak." (14)

Perkara ini jelas menyatakan bahawa, kaum masyarakat Dusun lebih mempercayai bahawa punca buli berlaku kerana wujudnya ketidakseimbangan dalam keibubapaan, sama ada dalam bentuk pengabaian emosi atau pemanjaan berlebihan disertai dengan *blind trust*. Ketidakhadiran objektiviti dan ketegasan ini melemahkan kawalan disiplin kepada anak seterusnya membuka ruang kepada pembentukan tingkah laku buli di luar persekitaran rumah.

2. Persekitaran Sekolah dan Disiplin

Dapatan kajian turut menunjukkan persetujuan antara keempat-empat informan bahawa faktor sosial khususnya pengaruh rakan sebaya menjadi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kelakuan membuli di sekolah. Hal ini kerana, rakan sebaya berfungsi sebagai medium sosialisasi yang utama, di mana tingkah laku dan nilai atau prinsip anak-anak banyak dibentuk menerusi interaksi harian dengan rakan. Informan ibu bapa Melayu juga menganggap rakan sebaya menjadi cerminan kepada tingkah laku anak-anak mereka.

"...kawan tu memanglah sebab itulah orang bilang, siang dan malam... pilih kawan yang jahat tu senang, tapi pilih kawan yang baik tu susah" (11)

"Kalau macam kawan dengan orang baik tu, baiklah, kalau kawan dengan orang yang suka buli tu, secara tak langsung sama jugaklah" (12)

Bagi informan berbangsa Dusun pula, dari segi pengaruh rakan sebaya, peserta kajian menjelaskan bahawa pengaruh ini wujud dalam konteks kumpulan atau 'Geng' di mana mereka akan rasa lebih terdorong untuk melakukan buli ke atas mangsa secara beramai-ramai kerana dianggap lebih seronok. Tambahan lagi, kaum Dusun mempercayai bahawa kegagalan pengawasan pihak autoriti sekolah meperukuh isu buli, khususnya kawasan di mana badan berautoriti kurang memantau kawasan yang berisiko tinggi untuk berlakunya kejadian buli. Ini dikaitkan juga dengan kelemahan sistem disiplin dan pentadbiran sekolah mengakibatkan masalah disiplin sukar diatasi.

"Budak ni ada geng... bila diorang ramai-ramai siok la membuli, menendang..." (13)

"Kurang pengawasan guru... kawasan-kawasan yang kurang perhatian guru seperti tandas, lorong, perhentian bas...kegagalan petadbir menangani masalah disiplin" (13)

Perbezaan Peranan dan Pendekatan Yang Diamalkan oleh

Ibu Bapa Berketurunan Dusun dan Melayu Dalam Menangani Isu Kebimbangan Anak-Anak Berkaitan Buli

Secara umumnya, strategi intervensi yang diamalkan oleh ibu bapa adalah sama. Namun, melihat kepada dapatan kajian ini, ibu bapa berbangsa Melayu lebih menegakkan kebenaran manakala Dusun lebih bersifat santai dalam menangani isu kebimbangan kanak-kanak terhadap buli. Melalui analisis temubual, terdapat dua subtema iaitu tindakan segera, dan komunikasi bersama anak.

Tindakan Segera

Tindakan segera yang diambil oleh ibu bapa adalah berbeza mengikut bangsa masing-masing. Bangsa Melayu lebih mengambil tindakan formal dan agresif, manakala Dusun lebih pasif dan bersifat mengelak

1. Tindakan Formal dan Agresif

Melalui analisis temubual bersama informan, dapat dilihat ibu bapa berbangsa Melayu bersifat formal dan agresif dalam menyelesaikan dan menangani isu kebimbangan kanak-kanak akibat buli. Ibu bapa Melayu memilih untuk melibatkan pihak berautoriti seperti pihak sekolah, warden, kaunselor, bahkan akan melibatkan polis sekiranya buli yang dialami anak-anak mereka berada pada tahap yang serius. Tidak hanya itu, sekiranya kebimbangan anak-anak semakin meningkat, mereka tidak akan berdiam diri, malah memilih untuk membawa kepada psikiatri.

"...berjumpa pihak sekolah..., ...minta kaunseling..." (11)

"...jumpa guru, pengurusan sekolah, polis, akhir sekali kena rujuk pakarlah, PSY..." (12)

2. Tindakan Pasif dan Mengelak

Berbeza dengan ibu bapa Melayu, ibu bapa berbangsa Dusun lebih bersifat pasif dan mengelak dalam menyelesaikan keimbangan anak-anak terhadap isu buli. Hasil daripada temubual mendapati bahawa bangsa Dusun mengajar anak-anak untuk lari daripada buli, dan bukannya berhadapan secara sendirian. Tidak hanya itu, kepercayaan yang dipegang oleh bangsa Dusun iaitu Tuhan akan membalas kejahatan seseorang lebih membawa mereka kepada sifat tenang semasa menghadapi masalah seperti buli.

"Tindakan pertama, saya suruh lari dan jumpa cikgu. Kalau tiada cikgu, jauhkan diri dari pembuli dan cari tempat selamat seperti pondok keselamatan..." (13)

"...biarlah, ndapayah layan lah..., jangan ambil kisah sangat..." (14)

Secara keseluruhannya, ibu bapa Melayu lebih formal dan aktif manakala ibu bapa Dusun lebih pasif dan mengelak dalam menyelesaikan isu buli dan kebimbangan anak-anak sekaligus menunjukkan perbezaan budaya Melayu dan Dusun.

Komunikasi Bersama Anak

Hasil temubual menunjukkan kepentingan komunikasi bersama anak membantu dalam menangani isu kebimbangan anak-anak terkait isu buli. Keempat-empat informan lebih kepada berkomunikasi secara menasihati anak-anak. Ibu bapa berbangsa Melayu mengajar dan menasihati anak untuk mempertahankan diri tetapi ibu bapa Dusun lebih memberi semangat dan nasihat seperti menganggap buli sebagai ujian atau cemi need buru oleh pembuli.

"Saya sentiasa mengajar anak-anak, jangan takut kepada sesiapa..., kalau ada benda yang rasa tidak betul, jangan

tapuk.” (11)

“Saya kata lawan balik, sekarang kita sabar sabar, tapi pada masa yang sama kena pertahankan diri.” (12)

“Saya bagi dia positif. Mungkin orang cakap begitu sebab dia cantik dan orang jealous. Saya bagi dia kata-kata motivasi.” (13)

“...cakaplah itu semua ujian pastu kita kena berani. Kalau orang buat jahat dengan kita dari segi lisan, jangan peduli lah..., setakat diasingkan, tidak ditegur tu, jangan ambil kisah sangat.” (14)

Cabaran Utama Ibu Bapa Dusun dan Melayu dalam Menguruskan Kebimbangan Kanak-Kanak Terhadap Buli

Cabaran Budaya dan Nilai

Kajian ini turut mendapati bahawa wujud beberapa cabaran yang utama bagi ibu bapa daripada dua kaum berbeza Melayu dan Dusun dalam mengurus kebimbangan kanak-kanak terhadap isu buli di sekolah. Cabaran ini wujud akibat daripada perbezaan cara mereka mengendalikan konflik iaitu keengganan pihak pembuli untuk berbincang secara bersemuka serta pengaruh kepercayaan tradisi yang mempengaruhi keputusan ibu bapa untuk bertindak.

1. Halangan sosial

Dapatan kajian menunjukkan halangan sosial yang dihadapi oleh ibu bapa berbangsa Melayu dan Dusun adalah berbeza. Bagi ibu bapa informan Melayu, mereka beranggapan bahawa halangan utama dalam mengurus kes buli anak-anak mereka adalah sifat egois dan defensif yang dimiliki oleh ibu bapa pelaku menyebabkan kesukaran berbincang secara berdiplomasi. Informan menyatakan bahawa kesukaran ini boleh menyebabkan kerisauan sekiranya mereka cuba bawa berbincang dengan damai akan berakhir dengan pergaduhan antara orang dewasa, lebih-lebih lagi apabila anak dituduh membuli.

“Melayu ni susah sikit. Kalau anak-anak tu, mudahlah sikit. Boleh jumpa dan cakap. Tapi kalau nak jumpa ibu bapa tu susah sikit, takut bergaduh. Takut mak bapak tu takboleh terima” (12)

Untuk informan Dusun pula, mereka melihat halangan sosial ini berdasarkan konteks perubahan zaman evolusi hubungan antara dua generasi berbeza. Cabaran itu tidak terletak pada konfrontasi antara ibu bapa tetapi pada usaha meruntuhkan jaringan komunikasi tradisional yang bersifat sehalu. Informan 4 mengakui bahawa halangan komunikasi antara ibu bapa dan anak menyukarkan perkongsian keresahan tersebut yang membawa kepada masalah buli yang berterusan, lebih-lebih lagi ibu bapa yang enggan mendengar luahan anak-anak berdasarkan pengalamannya.

“...anty masih kecil pun kita jarang berkongsi cerita dengan ibu bapa tu la kali buli susah dibendung... tapi mungkin zaman tu berubah ibu bapa sekarang anty rasa... lebih rapat dengan anak...anak mudah berkomunikasi” (14)

2. Kepercayaan Tradisi

Pendekatan mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) terhadap insiden buli antara dua kaum ini juga berbeza, iaitu berasaskan kepercayaan tradisis. Analisis tematik menunjukkan bahawa ibu bapa Melayu dan Dusun mempunyai cara sangat berlainan dalam menghadapi buli yang menimpa anak mereka serta mencari resolusi.

Informan Melayu melihat isu buli sebagai jenayah budaya negatif yang memerlukan respons yang sekular, namun

berbanding kaum Dusun yang melibatkan elemen spiritual atau kebergantungan kuasa ghaib, mereka tiada kepercayaan berunsurkan elemen-elemen tersebut dan hanya menekankan keseriusan isu yang perlu diatasi dengan tindakan tegas dan proaktif.

“Saya sangat serius mengambil kira aaa... budaya buli dan saya, saya memang tidak sangat-sangat anggap mudah benda tu...jadi mesti kena ada tindakan sewajarnya, tidak boleh tunggu-tunggu.” (11)

Informan Dusun mempamerkan strategi daya tindak berdasarkan falsafah nenek moyang iaitu kepercayaan spiritual, hukuman karma dan balasan Tuhan. Mereka lebih kepada menyerahkan konflik buli kepada kuasa Tuhan, tapi bukan kerana tidak tahu bagaimana untuk atasi atau bersikap pasif namun memilih cara ini untuk memelihara kesejahteraan emosi dan sosial.

“...budaya kita lah macam itu lah sedikit sebenarnya kita malas mengambil part, macam malas mau layan... supaya sedikit senang-senang hati lah, begitu kan biarlah dia biar dia kena balasan Tuhan... bapak saya dulu pun selalu juga tekankan biarlah ba dia nanti kena balasan juga itu... balasan lah karma lah.” (13)

Perbincangan

Tujuan pelaksanaan kajian kualitatif ini adalah untuk mengetahui perbezaan dalam cara ibu bapa berketurunan Melayu dan Dusun melihat perkara, peranan mereka dan halangan dalam menangani kebimbangan kanak-kanak terhadap buli di sekolah. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa, walaupun kedua-dua kaum mengakui betapa serius isu buli, terdapat perbezaan yang ketara dalam cara kedua-dua kaum memahami definisi dan bentuk buli, keutamaan kebimbangan serta pendekatan intervensi yang dipengaruhi oleh nilai budaya dan pengalaman hidup masing-masing.

Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa daripada kaum Melayu dan Dusun mengakui bahawa buli adalah isu sosial yang kritikal dan tidak boleh dipandang ringan. Buli ini dilihat sebagai ancaman besar dalam pembangunan sosialisasi postif antara masyarakat terutamanya dalam komuniti (Cheng et al., 2010; Georgiou et al., 2013). Walaubagaimanapun, perbezaan yang ketara boleh dilihat dalam cara mereka menilai tahap keseriusan buli. Buli, khususnya apabila ia menjejaskan kesejahteraan psikologi, maruah diri dan harga diri kanak-kanak lebih kerap dilihat oleh ibu bapa Melayu sebagai satu bentuk tingkah laku jenayah dan kesalahan moral yang memberi kesan negatif kepada *internal wellbeing* individu. Perkara ini dapat disokong dengan kajian oleh Mohd Rodzi Akob (2019) yang menunjukkan bahawa buli melibatkan penyalahgunaan kuasa dan mempunyai kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan emosi dan psikologi mangsa seperti tekanan dan kebimbangan. Bagi ibu bapa Dusun pula melihat buli dari perspektif pragmatik, dengan menekankan kebolehkawalan dan keterlihatan tingkah laku di sekolah, dan lebih bimbang tentang jenis buli berbentuk *covert*, yang sukar dikesan dan boleh berterusan tanpa campur tangan.

Selain itu, hasil dapatan juga mengenalpasti perbezaan tafsiran terhadap bentuk buli daripada ibu bapa daripada kaum Melayu dan Dusun. Kaum Melayu lebih mengiktiraf apa-apa bentuk buli yang boleh menyebabkan kemudaratan aspek psikologi misalnya trauma atau gangguan emosi sebagai buli, tanpa mengira sama ada secara fizikal, verbal atau sosial. Insiden buli di sekolah menyumbangkan banyak kesan buruk kepada pelajar

termasuk dari segi dalam iaitu kurang kepercayaan diri, kesunyian, tekanan, kebimbangan dan termasuklah ketidakhadiran ke sekolah serta masalah akademik (Harlow & Roberts, 2010). Ibu bapa Dusun, sebaliknya mentakrifkan buli sebagai perlakuan yang jelas dan ketara, seperti ugutan, pemerasan dan ejekan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Mohd Razimi Hussin et al. (2020) yang menegaskan bahawa buli verbal dan psikologi dalam kalangan pelajar sering ditunjukkan melalui budaya ejek-mengejek terutamanya yang melibatkan nama pelajar atau nama orang tua mereka yang dianggap sebagai perkara *taboo*. Ini jelas mencerminkan perspektif ibu bapa kaum Dusun yang amat menganggap ejekan nama bapa atau ahli keluarga adalah salah yang sangat berbeza dengan kefahaman bentuk buli kaum Melayu yang fokus kepada kesejahteraan emosi dan mental kanak-kanak sebagai mangsa.

Di samping itu, punca berlakunya buli yang bermula dari rumah dipersetujui oleh ibu bapa daripada kedua-dua kaum, di mana mereka bersependapat akar umbi tingkah laku buli ini bermula dari rumah khususnya kegagalan asuhan ibu bapa atau penjaga. Keluarga adalah agen sosialisasi pertama dan utama untuk pertumbuhan dan perkembangan seorang anak, jadi peranan dan fungsi keluarga adalah sangat penting dan bertanggungjawab terhadap pertumbuhan dan perkembangan anak (Ririn, 2024). Kanak-kanak yang membuli dikatakan berhadapan dengan masalah keluarga di rumah lebih-lebih lagi bila berhadapan dengan ahli keluarga yang panas baran atau memiliki tingkah laku agresif, dan inilah yang mendorong si pembuli untuk mencari sesuatu untuk meluahkan tekanan seperti membuli, dan sesetengah mereka tahu bahawa tingkah laku itu boleh melukakan perasaan orang lain hanya untuk mencapai rasa kepuasan hati mereka (Norhayati & Suriati, 2015). Ibu bapa berbangsa Melayu lebih memfokuskan punca akibat daripada kelemahan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak, dan ini termasuklah konflik rumah tangga serta penggunaan peranti elektronik tanpa pemantauan ketat. Dill et al. (2011) menjelaskan bahawa perubahan zaman teknologi media tanpa batasan mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku yang agresif dan sukar dikawal. Keadaan ini memudahkan kanak-kanak terpengaruh kepada unsur negatif yang menormalisasikan tindakan ganas membuli yang kemudiannya dibawa ke sekolah.

Ibu bapa Dusun pula menganggap buli berpunca dari rumah akibat ketidakseimbangan kasih sayang dan peranan ibu bapa sama ada mereka terlalu memanjakan anak atau mengabaikan keperluan mereka. Latar belakang keluarga pelaku buli di sekolah sering berpunca daripada kurang perhatian, terlalu permisif, atau gaya keibubapaan autoritarian dan tidak seimbang (Utami, 2019). Selain daripada faktor asuhan, kedua-dua kaum juga bersetuju bahawa satu lagi faktor dominan yang menyumbang kepada pembentukan tingkah laku buli adalah menerusi pengaruh rakan sebaya. Pemilihan rakan sebaya menerusi pendapat ibu bapa Melayu digambarkan melalui sosialisasi harian mereka misalnya pemilihan rakan itu menjadi pembentukan identiti sosial kanak-kanak. Pengaruh rakan sebaya yang kuat dan tekanan ini juga telah mendorong pelajar untuk mengikuti semua tingkah laku buruk rakan mereka (Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Dalam faktor pengaruh rakan sebaya, kaum Dusun mengetengahkan faktor tersebut dalam bentuk *geng* di mana perlakuan membuli menjadi lebih agresif dan berani jika dilakukan secara berkumpulan. Pembentukan tindakan buli di sekolah adalah berdasarkan konsep “kekitaan dan kepunyaan” di mana seseorang akan cenderung walaupun terpaksa melakukan tindakan buli hanya untuk mendapat pengiktirafan dalam kumpulan

rakan sebaya di sekolah (Sutton et al., 1999; Ojala & Nesdale, 2004). Namun hanya kaum Dusun yang mberpendapat kelemahan sistem disiplin sekolah dan pengawasan guru juga menjadi punca buli bagi persepsi kaum Dusun khususnya di kawasan yang yang memiliki kurang pemantauan.

Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan dalam pendekatan ibu bapa dalam menaghai isu kebimbangan anak-anak berkaitan buli. Ibu bapa berbangsa Melayu didapati lebih cenderung mengamalkan tindakan yang bersifat formal dan agresif dalam menangani kebimbangan anak berkaitan buli. Mereka melibatkan pihak berautoriti seperti guru, warden, kaunselor, malah pihak polis dan pakar psikiatri sekiranya kebimbangan anak berada pada tahap yang membimbangkan. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Foon et al. (2020) yang menyatakan bahawa usaha menangani isu buli memerlukan kolaborasi antara Jabatan Pendidikan, Jabatan Kebajikan, kaunselor serta polis sekiranya perlu. Kejayaan program pencegahan buli juga didapati bergantung kepada sokongan bersepadu antara guru, pihak pentadbiran sekolah dan ibu bapa. Selain itu, penglibatan kaunselor dalam menangani isu kebimbangan anak terbukti berkesan. Hal ini disokong oleh Tawalbeh et al. (2015) yang mendapati konsep sendiri dan keyakinan diri mangs buli menunjukkan peningkatan yang positif selepas mengikuti intervensi melalui sesi kaunseling. Sebaliknya, ibu bapa berbangsa Dusun didapati lebih cenderung mengamalkan pendekatan yang bersifat pasif dan mengelak. Mereka menangani isu kebimbangan anak dengan mengajar anak untuk menjauhkan diri daripada pembuli dan mengelakkan konfrontasi secara berhadapan. Kepercayaan terhadap konsep balasan Tuhan terhadap pelaku turut membentuk sikap tenang dan sabar dalam kalangan ibu bapa. Nilai akhlak dan moral yang dipupuk sejak awal usia ber[eranan dalam membentuk individu yang seimbang dari segi fizikal, keharmonian emosi dan ketahanan mental (Said, 2017; Hasdatul Norasyikin, 2012). Selain itu, warisan budaya nenek moyang yang kaya dengan nilai, amalan, dan kepercayaan turut diwarisi oleh generasi seterusnya dan mempengaruhi cara menangani konflik sosial termasuk isu buli (Junaidih & Kiting, 2022).

Selain daripada itu, kedua-dua bangsa ini mengamalkan komunikasi bersama anak. Selari dengann Zailan dan Mohamad (2023) yang menyatakan bahawa komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak mampu membantu perkembangan holistik anak terutama akademik dan emosi. Hasil kajian beliau membawa kepada ibu bapa yang sering berkomunikasi dengan anak memberi kesan positif dari segi bahasa, hubungan perapatan, dan tingkahlaku. Sesuai dengan teori Pembelajaran Sosial, tingkahlaku seseorang hasil daripada pemerhatian dan peniruan orang lain. Bangsa Melayu menekankan kepada kepentingan ilmu mempertahankan diri dan nasihat. Noraini et al. (2019) menyatakan hubungan kekeluargaan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah apabila wujudnya komunikasi antara ibu bapa dengan anak. Dalam konteks menangani kebimbangan anak-anak, komunikasi adalah kunci bagi menyelesaikan isu tersebut. Manakala bangsa Dusun, mereka memberikan kata-kata semangat dan nasihat. Menurut Abdul Mua'ti (2001) penggunaan perkataan yang positif akan tidak menyentuh perasaan anak sehingga wujudnya kekecewaan dan pemberontakan. Manakala, penggunaan perkataan yang negatif akan menimbulkan perasaan yang tidak enak seperti kecil hati, salah faham, kebencian, dan kurang keyakinan diri. Oleh hal yang demikian, komunikasi dua hala adalah penting agar ibu bapa dapat membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak tentang kehidupan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan antara cabaran utama ibu bapa berbangsa Dusun dan Melayu dalam menguruskan kebimbangan kanak-kanak terhadap buli ialah cabaran budaya dan nilai. Budaya Melayu yang bersifat ego dan defensif terhadap sesuatu perkara menjadi penghalang kepada penyelesaian masalah. Mereka menyatakan perbincangan yang damai akan sentiasa berakhir dengan pertengkaran dan pergaduhan. Hasil kajian Salehuddin dan Winskel (2016), mendapati bahawa ibu bapa Malaysia cenderung untuk mempamerkan gaya keibubapaan autoritarian. Amran dan Basri (2020), menemukan hubungan yang signifikan ditemui antara gaya keibubapaan autoritarian dan tingkah laku delinkuean juvana. Bi et al. (2018) Autoritarian menghasilkan disiplin yang tinggi dan paksaan fizikal, namun kemesraan atau penerimaan yang lebih rendah. Penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan perkembangan akademik dan sosial anak-anak seterusnya membawa kepada emosi positif. Manakala, Dusun pula halangan sosial adalah disebabkan oleh perubahan hubungan antara dua generasi yang berbeza. Komunikasi sehalu antara ibu bapa dan anak membuatkan perkongsian mereka sukar didengari dan diselesaikan. Menurut Lai dan Ying (2025), tradisi budaya pada umumnya mengukuhkan perpaduan keluarga, sekali gus menjadi penghadang dialog terbuka antara ibu bapa dan anak-anak generasi seterusnya.

Akhir sekali, cabaran terhadap kepercayaan tradisi. Seiring dengan personaliti dan cara menangani isu kebimbangan anak-anak, budaya Melayu yang bersifat agresif dan formal, mereka mementingkan tahap keseriusan dan tindakan yang tegas dan proaktif perlu diambil. Menurut Keshavarz & Baharudin (2013), ibu bapa budaya Melayu mempunyai peranan yang penting dalam membentuk tingkahlaku yang baik dalam diri anak. Manakala, budaya Dusun memperlihatkan kepercayaan spritual, hukuman karma dan balasan Tuhan. Mereka percaya dengan menyerahkan segalanya kepada Tuhan akan membawa kepada kesejahteraan emosi dan sosial. Ini disokong oleh Juniadih dan Kiting (2022) yang menyatakan bahawa warisan kepercayaan nenek moyang mempengaruhi cara menangani konflik sosial.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya perbezaan antara persepsi budaya Melayu dan Dusun terhadap isu buli dalam kalangan kanak-kanak. Walaupun pada umumnya, pegangan seseorang itu berdasarkan diri sendiri, namun, serba sedikit budaya memainkan peranan dalam kehidupan. Secara tidak langsung, kajian ini memperluaskan perbincangan dan ilmu pengetahuan yang sedia ada dengan memberikan lebih perhatian terhadap golongan yang jarang dikaji iaitu Dusun dalam pelbagai isu serta melihat situasi dengan lebih dekat dari konteks tempatan dalam isu buli dalam kalangan kanak-kanak.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa latar belakang etnik dan budaya membentuk persepsi yang berbeza bagi ibu bapa dalam mentafsir buli dan menangani kebimbangan kanak-kanak berkaitan isu buli. Ibu bapa Melayu melihat buli sebagai satu bentuk jenayah mental dan fizikal yang memerlukan tindakan tegas bagi menjaga maruah serta kesejahteraan dalaman anak-anak. Manakala, masyarakat Dusun lebih bersifat pragmatik dengan fokus kepada keselamatan fizikal serta interaksi sosial yang dapat dilihat secara nyata. Di samping itu, budaya Melayu lebih cenderung mengamalkan intervensi formal dan legalistik. Sebaliknya, budaya Dusun mengekalkan strategi daya tindak berasaskan falsafah tradisional dan kepercayaan spritual atau karma bagi

memelihara kesejahteraan emosi dan sosial tanpa perlu bertindak agresif. Bagi cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa Melayu ialah halangan sosial seperti sifat ego dan defensif ibu bapa pelaku yang menyukarkan perbincangan diplomasi. Bagi ibu bapa Dusun, cabaran utama terletak pada jurang komunikasi antara generasi yang menyukarkan anak-anak untuk meluahkan keresahan mereka.

Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan

Untuk kajian akan datang, boleh diperluaskan kepada lebih banyak persepsi kaum lain yang wujud di Sabah, contohnya Bugis, Bajau, Murut, Sulu, dan sebagainya. ke lebih banyak daerah di Sabah. Hal ini akan membantu dalam memperlihatkan perbandingan budaya yang lebih luas dan menyeluruh terhadap isu buli.

RUJUKAN

- Abdul Mu'ati @ Zamri Ahmad. 2001. Santun Komunikasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran MS, Basri NA. Menyasat hubungan antara gaya keibubapaan dan tingkah laku delinkuen juvana. Universiti. Jurnal Penyelidikan Pendidikan. 2020; 8(11 A):25-32.
- Arif, M., & Listiana, A. (2022). Perkembangan moral kanak-kanak usia awal dalam konteks sosial dan budaya. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 16(2), 145–156.
- Bi X, Yang Y, Li H, Wang M, Zhang W. Gaya keibubapaan dan hubungan ibu bapa-remaja: Peranan pengantara autonomi tingkah laku dan kuasa ibu bapa. Sempadan dalam Psikologi. 2018; 9 (November): 1-13
- Bocharova, O. (2025). Case studies as a research strategy in comparative education. *E-mentor*, 109(2), 22–26. <https://doi.org/10.15219/em109.1703>
- Cheng, Y., Newman, I. M., Qu, M., Mbulo, L., Chai, Y., Chen, Y., & Shell, D. F. (2010). Being bullied and psychosocial adjustment among middle school students in China. *Journal of School Health*, 80(4), 193–199. <https://doi.org/10.1111/j.1746-1561.2009.00486.x>
- Dill, K. E., Redding, R. E., Smith, P. K., Surette, R., & Cornell, D. G. (2011). Recurrent issues in efforts to prevent homicidal youth violence in schools: Expert opinions. *New Directions for Youth Development*, 2011(129), 113–128. <https://doi.org/10.1002/yn.391>
- Foon, L. W., Hassan, S. A., & Nordin, M. H. M. (2020). Counselling intervention to Address School Bullying: A Systematic Review of literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(16). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i16/8301>
- Georgiou, S. N., Fousiani, K., Michaelides, M., & Stavriniades, P. (2013). Cultural value orientation and authoritarian parenting as parameters of bullying and victimization at school. *International Journal of Psychology*, 48(1), 69–78. <https://doi.org/10.1080/00207594.2012.754104>
- Harlow, K. C., & Roberts, R. (2010). An Exploration of the Relationship between Social and Psychological Factors and Being Bullied. *Children & Schools*, 32(1), 15–26. <https://doi.org/10.1093/cs/32.1.15>
- Hasdatul Norasyikin. (2012). Amalan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4, di Tiga Buah Sekolah Kawalan, Daerah Pasir Gudang, Johor. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ilah Hafiz Aziz. (2025, October 14). Kes buli di sekolah meningkat lebih 1,000 kes setiap tahun. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1458672/kes-buli-di-sekolah-meningkat-lebih-1000-kes-setiap-tahun>
- Junaidih, S. J., & Kiting, R. (2022). PENGGUNAAN TANGON DUSUN DALAM MENERAPKAN NILAI MORAL SEMASA PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN [THE SIGNIFICANT OF TANGON DUSUN IN APPLYING MORAL VALUES DURING KADAZANDUSUN'S LANGUAGE LEARNING]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 68–79. <https://doi.org/10.33306/mjssh/205>
- Khalid, M. H., & Johan, O. (2007). *Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di Sarawak*. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6447/>
- Keshavarz, S., & Baharudin, R. (2013). Perceived parenting style of fathers and adolescents' locus of control in a collectivist culture of Malaysia: The moderating role of fathers' education. *The Journal of genetic psychology*, 174(3), 253-270.
- Lai, W., & Ying, J. (2025). Exploring the Cultural Factors Influencing Parent-Child Communication in Intergenerational Families. *Journal of Psychosociological Research in Family and Culture*, 3(1), 16-24. <https://doi.org/10.61838/kman.jpffc.3.1.2>
- Lim, W. M. (2024). What is qualitative research? An overview and guidelines. *Australasian Marketing Journal (AMJ)*, 33(2), 199–229. <https://doi.org/10.1177/14413582241264619>
- Mohd Razimi Hussin., Nur Izzati Mat Isa., Nur Haqima Farhana Abdul Rahim., Wan Nur Izzwani Wan Izham. Nur Atasya Izati Bakeri., Farah Nurhafiza Shamsul Anuar., & Najiha Mohbob. (2020). Gejala Membuli dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 2(1), 22–33. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0201.100>
- Mohd Rodzi Akob. (2019). *Implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar [Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository*. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=5088>
- Mokhtar, N. M. M. B. M., & Hassan, N. H. B. (2023). PENGARUH FAKTOR PERSEPSI NEGATIF DAN BUDAYA TULAR TERHADAP BULI SIBER DI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DAN GOLONGAN MUDA. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7–15. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i1.6662>
- Morriss, L. (2024). Themes do not emerge. An editor's reflections on the use of Braun and Clarke's thematic analysis. *Qualitative Social Work*, 23(5), 745–749. <https://doi.org/10.1177/14733250241277355>
- Muhamad Luqmanul Hakim, Dang Ra'il Zulaikha, Nur Amirah Sahira, Wan Nussyakira Najwa, Farwizah Yusrin, & Mohamad Nur Hafizudin. (2023). Kesan buli siber terhadap psikologi individu: Kajian kes mahasiswa UTHM. *Human*

- Sustainability Procedia*, 3(1).
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/12418/3776>
- Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. (2023). A Step-by-Step process of thematic analysis to develop a conceptual model in qualitative research. *International Journal of Qualitative Methods*, 22. <https://doi.org/10.1177/16094069231205789>
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail, Nazneen Ismail (2019), Peranan komunikasi ibu bapa terhadap proses bimbingan dan penyampaian maklumat kepada anak-anak. Universiti Islam Antarabangsa.
- Norhayati Mat Ghani, & Suriati Ghazali. (2015). Tindak balas pengguna YouTube terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Sains Humanika*, 6(1), 9-17
- Ojala, K., & Nesdale, D. (2004). Bullying and social identity: The effects of group norms and distinctiveness threat on attitudes towards bullying. *British Journal of Developmental Psychology*, 22(1), 19–35. <https://doi.org/10.1348/026151004772901096>
- Rahman, M. R. B. A. (2017). MANGSA BULI DAN KESAN BULI: Bully Victims and The Effects of Bullying. *abqarijournal.usim.edu.my*. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol11no1.114>
- Rosmawati Dahaman, Nur Shakila Rosli, & Nur Sabrina Nordin. (2023). Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman. *Journal on Technical and Vocational Education*, 8(1), 228–245. <http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/495>
- Shariff, A. a. M., Yahya, M. A., Zahir, M. Z. M., & Hashim, F. Y. (2021). Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 29, 3–13. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-01>
- Ririn, Y. A. (2024). Analisis Faktor-Faktor yang mempengaruhi terjadinya perilaku Bullying. *EDUCARE Jurnal Pendidikan Dan Kesehatan*, 1(2), 70–76. <https://doi.org/10.70437/jedu.v1i2.10>
- Salehuddin K, Winskel H. Jangkaan pencapaian perkembangan, gaya keibubapaan, dan tafsiran diri penjaga daripada latar belakang Melayu, Cina dan India di Malaysia. *Jurnal Pengajian Keluarga Perbandingan*. 2016; 47(2):147-16
- Tawalbeh. H. A., Abueita, D. J.Mahasneh, A., & Shammout, N. (2015). Effectiveness of a Counselling program to improve self-concept and achievement in bully-victims. *Review of European Studies*, 7(7), 36-45. doi: 10.5539/res.v7n7p.36
- Utami, A. N. (2019). Identifikasi faktor-faktor penyebab. *Jurnal Basic Education*, 8(8). <https://journal.student.uny.ac.id/pgsd/article/view/15031>

- Yahya, A. H., & Ahmad, A. L. (2012). Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat. *Jurnal Teknologi*.
<https://doi.org/10.11113/jt.v43.794>
- Yung, N. N. Y. (2019). Gejala Buli Secara Fizikal yang Semakin Berleluasa di Sekolah. *International Journal of Humanities Management and Social Science (IJ-HuMaSS)*, 2(1), 65–75.
<https://doi.org/10.36079/iamintang.ij-humass-0201.24>
- Zailan, N. Z., & Mohamad, I. (2023). Satu kajian kes: Mengenalpasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(1), 92–98.
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.9.2023>
- Zainudin Sharif, & Norazamah Mohamad Roslan (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Psychology & Counselling*, 1, 115